

## Ruangan Tafsir Qur'an

Firman Allah: *Yā ayyuhā al-nāsu ittaqū rabbakum wa ikhshaw yawman lā yajzī wālidun 'an waladihi wa lā mawlūdun huwa jāzin 'an wā lidihi shai'a, inna wa'da Allāhi haqqun wa' lā taghurrannakumu al-ḥayātu al-dunyā wa lā yaḡhurrannakum billāhi al-gharūr. Allāha' 'indahū 'ilmu al-sā'ati wa yunazzilu al-ghaytha wa ya'lamu mā fī al-arḥāmi wa mā tadrī nafsun mādhā taksibu ḡhadan wa mā tadrī nafsun bi ayyi arḍin tamūtu inna Allāha 'alīmun khabīr.*

(Ditulis oleh: Abdullah Bin Haji Noh, Kolej Islam Malaya, Klang, Selangor.)

Makna ayat:-

Hai segala manusia! Takutlah kamu kepada Tuhanmu

dan takutlah akan hari kiamat: Di waktu itu tidak

dapat bapa mempertahankan anaknya dan tidak pula anak

mempertahankan bapanya sedikit pun; Sesungguhnya perjanjian

Allah itu adalah benar; sebab itu janganlah kamu terpedaya

oleh hidup di dunia dan oleh syaitan yang menipu,

sesungguhnya Allah mengetahui bila waktunya hari kiamat

dan bila waktunya turun hujan serta ia mengetahui

apa yang di dalam rahim perempuan. Seseorang itu tidak

mengetahui apa yang bakal terjadi pada dirinya hari

besok; begitu pula seseorang tidak mengetahui di mana

ia meninggal dunia (mati). Allah mengetahui lagi mengerti

keadaannya.

Tafsir ayat:-

Di dalam dua potong ayat di atas tadi banyak

pelajarannya, serta tauladan-auladan yang kita dapati. Mula-mula

sekali Tuhan menyuruh semua umat Islam supaya

takut kepadanya. Makna takut kepada Tuhan ialah dengan

mengerjakan segala suruhannya dan menjauhkan segala

larangannya. Di samping kita mesti takut kepada Tuhan

*Rabb al-'ālamīn*: Kita mesti juga takut kepada hari

pembalasan: iaitu hari kiamat.

Di sini Tuhan menceritakan gambaran di hari

kiamat itu. Pada hari tersebut tidak seorang dapat

menolong siapa; sehingga anak tak dapat menolong bapa

begitu juga sebaliknya walau sedikit pun. Pada hari

itu tiap-tiap manusia akan menerima balasan yang mereka

kerjakan di atas dunia ini. Sebab itulah dinamakan hari

pembalasan.

Dari sini kita dapat faham iaitu seseorang

itu tak akan mendapat pertolongan lagi apabila sahaja

seseorang itu meninggal dunia. Hanya akan menerima

sekadar apa yang dikerjakan di atas dunia sahaja. Walau

bagaimana kecil kebaikan yang dilaksanakan di atas

dunia ini akan dibalas Tuhan di akhirat kelak begitu

juga sebaliknya. Oleh itu tak usahlah kita hendak

berharap kepada orang lagi sesudah kita mati

hendaklah kita bersiap sedia menuntut hari akhirat.

Tuhan menegaskan lagi bahawa hidup kita

di atas dunia ciptaan Tuhan yang serba indah ini tak

akan kekal, di akhirat juga sudahnya. Oleh itu

<sup>1</sup> Dalam teks Qalam ditulis: '*wa lā taghurrannakumu*' sedangkan ayat sebenarnya ialah '*fa lā taghurrannakumu*'

<sup>2</sup> Dalam teks Qalam ditulis: '*Allāha*' sedangkan ayat sebenarnya ialah '*Inna Allāha*'

janganlah kita terpedaya dengan keindahan di dunia ini dengan menyebabkan melalaikan kita daripada Tuhan; yang kita akan kembali ke alam yang baqa' menghadapi Tuhan *rabb al-'ālamīn*.

Kita hidup di dunia ini mestilah penuh dengan kebaktian. Bakti terhadap Tuhan Yang Maha Besar; berbakti terhadap dua ibu bapa serta keluarga; berbakti terhadap agama yang suci; berbakti terhadap bangsa dan berbakti terhadap tanah air yang dicintai. Bukan hidup kita semata-mata menikmati keindahan alam tanpa mengerjakan suruhan Tuhan dan meninggalkan segala tegahannya. Dunia makin berubah. Keindahan makin sehari makin bertambah. Sesiapa yang terpedaya dengan keindahan alam ini serta mengikut hawa nafsunya nescaya ia akan terjerumus ke lembah kehinaan di akhirat kelak dengan menerima balasan yang sewajarnya mengikut apa yang dilaksanakannya di dunia ini. Kita mesti hindarkan perasaan yang mendorong kita kepada jalan yang jahat lantaran hasutan syaitan yang ganas itu. Tanamkanlah iman yang teguh di dalam jiwa kita. Sucikanlah piala hati kita supaya tidak terpesong iktikad kita yang membawa kekufuran.

Di dalam ayat di atas juga Tuhan menegaskan bahawa Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* itu mengetahui segala-galanya. Tuhan mengetahui bila hari kiamat akan berlaku; Dan bila hujan akan turun menyiram bumi yang sangat perlu kepada siraman untuk menumbuhkan segala tumbuhan-tumbuhan demi untuk kepentingan makhluk sekalian.

Bukan itu sahaja yang diketahui oleh Tuhan. Apa yang ada di dalam rahim perempuan; Iaitu anak yang dikandung itu sama ada lelaki atau perempuan; Sempurna

atau tidak. Tuhan sudah mengetahui pada mula benih lelaki masuk ke dalam rahim perempuan yang akan menjadi anak itu.

Pada hari ini di dunia yang serba modern ini kita dapati berbagai-bagai rekaan direka oleh manusia; Kononnya cuba hendak mengetahui sebagaimana yang diketahui oleh Tuhan. Seperti alat-alat untuk mengetahui bila hujan akan turun, bilakah gunung berapi akan meletus. Alat untuk mengetahui anak dalam kandungan ibu itu lelaki atau perempuan; Dan bermacam-macam lagi alat rekaan yang direkakan. Ya; segala rekaan manusia itu jauh sama sekali dari menyerupai dengan pengetahuan Tuhan. usahakan hendak mengatasinya. Misalnya manusia dapat mengetahui sesuatu dengan perantaraan alat rekaan. Sedangkan Tuhan mengetahui sesuatu tanpa alat perantaraan malah tahu dengan sendirinya. Kebanyakan manusia dapat mengetahui sesuatu dengan memandang kepada tanda, yang mereka dapat lihat. Tetapi Tuhan tidak begitu.

Pada hari ini sungguhpun satu rekaan yang baru iaitu dengan alat tersebut dapat kita mengetahui sama ada perempuan; dan hasil percubaan ini boleh dikatakan berjaya, tetapi tidaklah boleh hendak menyerupai dengan apa yang diketahui oleh Tuhan; lebih-lebih lagi hendak mengatasinya. Doktor, dapat mengetahui melalui alat rekaan itu setelah si ibu bapa mengandung beberapa bulan. Bukan dari mula-mula benih lelaki dengan benih perempuan mulai bercantum. Dengan ini kita tak dapat mengatakan yang manusia dapat mengetahui sebagaimana yang diketahui oleh Tuhan.

Kita manusia juga tidak dapat meramalkan apa

yang akan berlaku kepada diri kita besok atau di hari yang akan datang. Sama ada kita akan memegang jawatan yang besar atau tidak, sungguhpun kita mempunyai ilmu pengetahuan yang banyak; belum dapat kita pastikan yang kita akan menyandang jawatan yang tinggi di kemudian hari. Pembela-pembela negeri yang sentiasa berada di medan pertempuran itu belum tentu mereka itu akan menghabiskan nafas yang akhir di gelanggang pertempuran. Lihatlah pahlawan Khalid Ibn al-Walid di zaman Khulafa' al-Rasyidin yang terkenal sebagai pahlawan perang yang selalu memimpin pasukan perang melawan musuhnya, di zaman itu akhirnya beliau menghembuskan nafas yang akhir di atas tilam yang empuk di rumahnya di tengah-tengah keluarganya yang bercucuran air mata.

Oleh itu kita tidak dapat mengetahui di mana kita dikuburkan melainkan Allah. Betullah kata orang “jodoh pertemuan dan tanah perkuburan itu tak siapa yang tahu melainkan Allah jua”. Banyak juga manusia cuba meramalkan dengan melihat kepada seseorang dengan mengatakan seorang itu akan berjodoh dengan orang yang jauh atau akan meninggal di negeri orang. Tetapi ramalan semacam itu adalah karut semata-mata. Kita dapati tukang-tukang nujum atau tukang-tukang tilik cuba menentukan nasib seseorang atau apa yang akan berlaku kepada seseorang di kemudian hari dan sebagainya dengan melihat tapak tangan dan lain-lain anggota lagi. Ini adalah karut. Agama kita yang suci ini sangat-sangat melarang pemeluk-pemeluknya mempercayai kepada benda yang karut kerana kepercayaan semacam itu akan membawa kepada kekufuran.

Kesimpulan dari ayat di atas:-

(1) Kita manusia wajib takut kepada Allah dengan

mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhkan segala tegahan-Nya.

(2) Di hari kiamat nanti tak siapa yang dapat menolong seseorang yang lain, sekalipun anak dengan bapa.

(3) Janganlah kita terpedaya dengan kenikmatan dunia lantaran itu kita akan terlalai dari Tuhan.

(4) Tuhan itu amat mengetahui segala-galanya baik yang tersemat dilubuk hati seseorang manusia atau di mana-mana sahaja seperti di dalam rahim perempuan dan sebagainya.

(5) Tuhan itu mengetahui segala-segala yang zahir dan yang batin dan apa yang dijanjikan itu tetap akan ditunaikan.

*Sudah terbit!*

Pengajian

## **KESAH PELAYARAN**

**ABDULLAH MUNSHI**

**di-susun sa-mula oleh:**

**E D R U S**

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

*Di-chitak dan di-terbitkan oleh:*

**Q A L A M,**

**856/858, GEYLANG ROAD,**

**SINGAPORE 14.**